



SEMBANG WAGHIH

أَوْزَيْتَ لِمَا لَمْ يَكُنْ لَكَ

BIL.11
JUN 2026
(1448H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTM CNS)

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

NILAI SEORANG HAMBA

Pada hari ini, kita sering mengukur "nilai" sesuatu berdasarkan harganya di pasaran. Kita menilai rumah berdasarkan lokasinya, kereta berdasarkan jenamanya, dan kadangkala, kita menilai manusia berdasarkan pangkat, harta, dan rupa parasnya.

Namun, pernahkah kita terfikir, apakah yang menentukan nilai kita sebagai seorang hamba di sisi pencipta kita, Allah SWT? Adakah Allah memandang pengikut kita di media sosial? Adakah Allah melihat baki wang di dalam akaun bank kita? Sudah pasti tidak. Hari ini, kita akan merenung kembali hakikat sebenar nilai seorang hamba.

Manusia meletakkan kasta dan darjat, tetapi Allah SWT telah menetapkan satu standard yang sangat adil untuk semua manusia, tidak kira dia seorang raja di istana atau seorang tukang sapu di jalanan. Standard itu adalah Taqwa.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣
Maksudnya: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya."

Kupasan ayat :

- Taqwa bermaksud kita melaksanakan apa yang Allah suruh dan meninggalkan apa yang Allah larang.
- Nilai kita naik bukan apabila kita menukar baju yang mahal, tetapi apabila kita menukar hati yang kotor kepada hati yang bersih.
- Jika dunia ini menjadi ukuran, nescaya Firaun dan Qarun adalah manusia paling mulia. Tetapi kerana taqwa adalah ukuran, Bilal bin Rabah, seorang hamba abdi berkulit hitam dari Habsyah, tapak kakinya didengari oleh Rasulullah SAW di dalam Syurga.

Kadang-kala kita rasa rendah diri. Kita rasa kita tidak cantik, tidak kacak, tidak pandai bercakap, atau hidup dalam kemiskinan. Kita rasa diri kita tidak bernilai. Tuan-tuan, buang jauh-jauh perasaan itu.

Hadis

Rasulullah SAW telah memberikan satu pesan yang sangat melegakan jiwa kita melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورَتِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa bentuk kamu dan harta kekayaan kamu, akan tetapi Allah melihat kepada hati-hati kamu dan amalan-amalan kamu." (Riwayat Muslim, No. 2564).

Kupasan Hadis

- Hati (Qulubikum): Apakah niat kita setiap hari? Adakah kita ikhlas? Adakah hati kita ada sifat sombong, riak, atau hasad dengki? Hati yang dipenuhi mahabbah (cinta) kepada Allah adalah hati yang sangat mahal harganya.
- Amalan (A'malikum): Sejauh mana amalan kita memberi manfaat kepada orang lain? Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia lain (Khairunnas anfa'uhum linnas). Senyuman, sedekah RM1 yang ikhlas, atau sekadar mengalihkan duri di jalanan—semua ini melonjakkan nilai kita di sisi Allah.

Kesimpulan

Nilai sebenar seorang hamba tidak pernah diukur dengan harta, pangkat, keturunan, kecantikan, mahupun kemasyhuran. Semua ukuran dunia ini bersifat sementara dan akan lenyap apabila seseorang meninggalkan dunia. Sebaliknya, ukuran yang kekal dan diterima di sisi Allah SWT ialah taqwa, iaitu hati yang sentiasa tunduk kepada-Nya serta kehidupan yang dipenuhi dengan amal soleh.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 menegaskan bahawa manusia yang paling mulia ialah mereka yang paling bertaqwa. Rasulullah SAW pula menjelaskan bahawa Allah tidak memandang kepada rupa paras dan harta, tetapi memandang kepada hati dan amalan. Ini menunjukkan bahawa setiap insan mempunyai peluang yang sama untuk menjadi mulia di sisi Allah tanpa mengira latar belakang, kedudukan atau kekayaan.

Oleh itu, marilah kita berhenti menilai diri dan orang lain berdasarkan ukuran dunia. Sebaliknya, berusahalah membersihkan hati daripada sifat-sifat mazmumah, memperbaiki niat, memperbanyakkan amal soleh serta sentiasa meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT. Nilai seorang hamba bukan ditentukan oleh apa yang dimilikinya, tetapi oleh sejauh mana dia mengenal Tuhannya, mencintainya dan mentaati segala perintah-Nya.

Semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang memiliki hati yang bersih, amalan yang ikhlas dan taqwa yang tinggi, sehingga layak mendapat kemuliaan di sisi Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.



MENYUBURKAN BUDAYA SYUKUR DAN PENGHARGAAN DI TEMPAT KERJA

Dalam sesebuah organisasi, kejayaan yang dicapai bukanlah hasil usaha individu semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan hasil kerjasama, komitmen dan sumbangan daripada semua warga kerja. Setiap tugas yang berjaya diselesaikan, program yang dapat dilaksanakan dengan lancar serta pencapaian yang diraih adalah hasil usaha bersama.

Namun begitu, dalam kesibukan melaksanakan tanggungjawab harian, terdapat satu amalan yang sering dipandang ringan tetapi sebenarnya memberi kesan yang besar kepada suasana kerja dan hubungan sesama warga organisasi, iaitu budaya menghargai dan mengucapkan terima kasih.

Ucapan "terima kasih" mungkin kelihatan ringkas, namun nilai di sebaliknya amat besar. Penghargaan yang diberikan dengan ikhlas mampu meningkatkan motivasi, menyemarakkan semangat kerja dan mengeratkan hubungan antara rakan sekerja. Apabila seseorang merasakan usaha dan sumbangannya dihargai, mereka akan lebih terdorong untuk terus memberikan komitmen yang terbaik kepada jabatan.

Islam mengajar umatnya supaya sentiasa menghargai dan berterima kasih atas setiap kebaikan yang diterima. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, maka dia tidak bersyukur kepada Allah."

(Hadis Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

Hadis ini mengingatkan kita bahawa menghargai jasa dan kebaikan orang lain juga merupakan tanda kesyukuran kepada Allah SWT. Oleh itu, mengucapkan terima kasih bukan sekadar adab dalam pergaulan, bahkan merupakan amalan yang dituntut dalam Islam.

Budaya menghargai memberi banyak manfaat kepada organisasi. Antaranya ialah meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja dalam kalangan warga. Individu yang menerima penghargaan akan berasa usaha mereka dihargai, sekali gus meningkatkan keyakinan diri dan semangat untuk terus memberikan yang terbaik.

Selain itu, budaya menghargai dapat mengeratkan hubungan sesama warga kerja. Apabila sikap saling menghargai diamalkan, suasana kerja menjadi lebih harmoni dan kerjasama dapat dipertingkatkan. Hubungan yang baik antara warga kerja juga memudahkan komunikasi dan membantu melancarkan pelaksanaan sesuatu tugas.

Budaya ini turut membantu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif kerana setiap individu akan berasa dihormati dan menjadi sebahagian penting dalam organisasi. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang lebih sihat dan produktif.

Dalam suasana kerja di UiTM yang melibatkan kerjasama antara pelbagai bahagian, unit dan fakulti, budaya menghargai memainkan peranan penting dalam memastikan setiap urusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Membudayakan penghargaan di tempat kerja tidak semestinya memerlukan ganjaran yang besar atau kos yang tinggi. Sebaliknya, ia boleh dimulakan dengan perkara-perkara kecil yang dilakukan secara konsisten.

Mengucapkan terima kasih selepas menerima bantuan, menghargai usaha rakan sekerja yang membantu menyiapkan tugas atau memberikan pengiktirafan kepada individu yang menyumbang kepada kejayaan sesuatu program merupakan antara amalan yang boleh diterapkan. Penghargaan juga boleh disampaikan melalui mesej ringkas, emel penghargaan atau pengiktirafan dalam mesyuarat dan majlis rasmi.

Di samping itu, sikap saling menghormati tanpa mengira jawatan atau latar belakang juga penting dalam membentuk budaya kerja yang baik. Apabila setiap individu berasa dihargai, mereka akan lebih bersemangat untuk menyumbang dengan lebih baik kepada organisasi, sekali gus memupuk semangat kebersamaan dan kerjasama dalam kalangan warga organisasi.

Sebagai penutup, budaya menghargai dan ucapan terima kasih merupakan amalan yang mudah tetapi memberi impak yang besar kepada organisasi. Walaupun hanya melalui ucapan ringkas atau penghargaan yang sederhana, amalan ini mampu meningkatkan motivasi, mengeratkan hubungan sesama warga kerja serta mewujudkan suasana kerja yang lebih positif.

Budaya menghargai dalam kalangan warga institusi memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran kerja yang harmoni dan profesional. Penghargaan yang diberikan secara ikhlas bukan sahaja memberi kegembiraan kepada penerima, malah mencerminkan nilai murni serta integriti dalam diri seseorang individu. Justeru, amalan ini wajar diperkukuh bagi membina organisasi yang lebih produktif dan cemerlang pada masa hadapan.



SUNAT DATANG AWAL UNTUK SOLAT JUMAAT

Hari Jumaat merupakan hari yang mulia dan besar buat umat Islam. Tambahan pula, hari Jumaat mempunyai banyak kelebihan berbanding hari-hari yang lain sebagaimana yang diceritakan menerusi hadith Nabi SAW. Untuk itu, kita dituntut untuk membesarkan hari yang besar dan agung ini.

Memang terdapat hadis yang menuntut seseorang itu untuk hadir awal ke masjid bagi tujuan menunaikan solat Jumaat. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ، فَكَانَ مَا قَرَّبَ بَدَنَهُ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ، فَكَانَ مَا قَرَّبَ بَقَرَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ، فَكَانَ مَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ، فَكَانَ مَا قَرَّبَ دَجَاجَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ، فَكَانَ مَا قَرَّبَ بَيْضَةً، فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ

Maksudnya: “Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seakan-akan berkorban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, maka seakan-akan dia berkorban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seakan-akan dia berkorban dengan biri-biri jantan yang bertanduk, dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seakan-akan dia berkorban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seakan-akan dia berkorban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkhotbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khutbah)”. [Riwayat al-Bukhari (881) dan Muslim (850)]

Makna Hadis

Antara yang boleh difahami berdasarkan hadis di atas adalah tuntutan buat umat Islam agar hadir awal ke masjid disebabkan ganjaran yang terdapat di dalam hadith. Ini juga disebutkan oleh Imam al-Nawawi RA:

Menurut kitab al-Mukhtamad dalam mazhab al-Syafie, dikira masa-masa tersebut di atas bermula dari terbitnya fajar kerana ia merupakan permulaan pensyariaan (solat Jumaat) dan padanya juga dibolehkan untuk mandi sunat Jumaat.

Berkaitan dengan masa pertama dan kedua bukanlah diiktibar tempoh masa tertentu, bahkan ia dikira dengan siapa yang datang dahulu akan mendapat kelebihan tersebut daripada yang datang kemudian. Adapun imam disunatkan untuk melewati kehadiran sehingga hampir masuk waktu Jumaat kerana mengikut perbuatan Nabi SAW dan para khulafa' Baginda SAW dengan tujuan mempersiapkan khutbah (yang akan dibacakan). Begitu juga bagi orang yang uzur (sukar untuk datang awal ke masjid) disunatkan melewati kehadiran.

[Lihat: al-Mukhtamad, 528,529/1]


SUNAT DATANG AWAL UNTUK SOLAT JUMAAT

Di akhir hadith, dinyatakan bahawa malaikat akan mendengar khutbah apabila imam telah keluar. Ini menunjukkan bahawa barangsiapa yang hadir selepas daripada imam keluar tidak akan memperolehi ganjaran orang yang hadir awal ke solat Jumaat. Di samping itu, tuntutan datang awal ke masjid adalah bagi menggalakkan orang untuk mendapatkan fadhilat yang disebutkan di dalam hadith, mendapatkan kelebihan saf pertama, menunggunya serta menyibukkan diri dengan perkara-perkara sunat dan berzikir atau seumpama dengannya. Ini semuanya tidak akan diperolehi dengan pergi ke masjid selepas gelincirnya sebahagian daripadanya (matahari) dan tidak juga mendapat kelebihan jika datang selepas daripada tergelincirnya (matahari) kerana ketika itu seruan (azan) dikumandangkan. [Lihat: al-Minhaj, 541/4]

Telah berkata Ibn Wahab bahawa beliau bertanya Imam Malik tentang hal ini (maksud masa-masa di dalam hadith). Imam Malik berkata apa yang ada di dalam hatiku bahawa yang dimaksudkan dengan satu masa iaitu masa-masa yang lain berada padanya (kesemua masa-masa itu dikira satu masa). Samada yang pergi pada awal masa pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima. Jika tidak, solat Jumaat tidak akan didirikan sehingga siang hari itu menjadi sembilan masa pada waktu Asar atau hampir dengannya (waktu Asar). [Lihat: al-Tamhid, 23,24/22]

Penutup

Kesimpulannya, hari Jumaat adalah hari yang mulia dan ia juga mempunyai banyak keistimewaan, kemuliaan dan kelebihan berbanding hari-hari yang lain. Untuk itu, kita sebagai seorang muslim samada lelaki atau wanita perlulah mengambil berat berkaitan perkara ini. Di samping itu, marilah sama-sama kita mengamalkan sunnah ini di dalam kehidupan seharian kita agar mendapatkan kelebihan-kelebihan yang terdapat di dalam hadith di atas. Akhirnya, semoga Allah SWT memberi kesempatan serta mengurniakan kita waktu-waktu yang istimewa seperti ini kepada kita. Amin.



Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)

13 Mei 2026 (Rabu) – Telah berlangsung aktiviti mingguan bagi Pengimarah Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said, UiTM Kampus Seremban. Kuliah Maghrib telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Fairuz Bin Ismail berkenaan kitab 40 Hadis Akhlak Mulia.



Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)


20 Mei 2026 (Rabu) | Bilik Mesyuarat UHEI UiTM Kampus Rembau -

Telah berlangsung Liqa' Bulanan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Ianya telah dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu oleh Ustaz Nor Mohd Faisal bin Ariffin, Timbalan Pendaftar (Hal Ehwal Islam).





Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)

22 Mei 2026 (Jumaat) – Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Kampus Seremban telah melaksanakan **Projek Menceriakan & Mencantikkan Surau PTAR** bagi memastikan suasana ruang ibadah sentiasa selesa, kemas dan kondusif. Penambahbaikan ini juga bertujuan memberikan persekitaran yang lebih baik memandangkan Surau PTAR sering menjadi lokasi pelbagai program universiti termasuk yang melibatkan kehadiran pihak luar.



22 Mei 2026 (Jumaat) – Pihak Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Kampus Seremban sentiasa melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap surau-surau kampus bagi memastikan kemudahan ibadah berada dalam keadaan baik, selesa dan kondusif untuk kegunaan warga kampus.

Di samping itu, bagi memastikan keselesaan serta kemudahan ibadah warga UiTM, pihak UHEI telah melaksanakan penggantian telekung secara berkala di Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said (PISHAS) dan surau-surau kampus.



Program UiTM Kampus Kuala Pilah

CHIT CHAT

SIRI 8
MAGHRIB



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie
Pegawai Eksekutif Kanan Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Tajuk:
Jom Upgrade Bacaan
"Surah Al fatihah - Siri 2"

7.40 p.m | 15 Mei 2026

PUSAT ISLAM AL TAQWA
Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

CHIT CHAT

SIRI 7
MAGHRIB



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie
Pegawai Eksekutif Kanan Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Tajuk:
Menjaga 7 Anggota Batin
"Bab 2 : Kehidupan Lahir (Mengumpati)"

7.40 p.m | 7 Mei 2026

PUSAT ISLAM AL TAQWA
Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Jom Puasa
Surat

19 Zulkaedah 1447H
7 Mei 2026 | Khamis

PUSAT ISLAM AL TAQWA

JAMUAN IFTAR
50 PAX DISEDIKAKAN

"Jom Banyakkan Doa, Zikir dan Selawat"

Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Jom Puasa
Surat

26 Zulkaedah 1447H
14 Mei 2026 | Khamis

PUSAT ISLAM AL TAQWA

JAMUAN IFTAR
50 PAX DISEDIKAKAN

"Jom Banyakkan Doa, Zikir dan Selawat"

Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

CHIT CHAT

SIRI 6
MAGHRIB



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie
Pegawai Eksekutif Kanan Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Tajuk:
Menjaga 7 Anggota Batin
"Bab 2 : Kehidupan Lahir (Mengumpati)"

7.40 p.m | 6 Mei 2026

PUSAT ISLAM AL TAQWA
Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

CHIT CHAT

SIRI 9
MAGHRIB



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie
Pegawai Eksekutif Kanan Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Tajuk:
JOM UPGRADE BACAAN
"Surah Al fatihah - Siri 3"

7.40 p.m | 19 Mei 2026

PUSAT ISLAM AL TAQWA
Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Kuala Pilah

Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab – Pembantu Tadbir (HEI)

Program UiTM Kampus Rembau



DAH SELAWAT KE HARI NI



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

KEMPEN

JOM BERSELAWAT

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ



Sabda Rasulullah SAW :

Barangsiapa yang berselawat
kepadaku sekali Allah SWT
akan berselawat kepadanya
sepuluh kali.

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

SAHAM AKHIRAT



**Sumbangan Anda
Kami Hargai**

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau
Jalan UiTM Rembau
71300 Rembau
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6982354



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6342000



Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia



06-4832291



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

